

Semua Pengarah Bahagian;

() dlm. PPS.
10/4/2 CUB Jld.2

Semua Pengarah Pengairan dan
Saliran Negeri;

Disember 1994

Semua Jurutera Projek;

Semua Ketua Cawangan/Unit
Ibu Pejabat JPS, Kuala Lumpur;

Semua Jurutera Daerah/Wilayah.

Tuan,

Surat Pekeliling JPS. UB. 5/94

Peraturan Mengenai Perjanjian dan Bayaran Bagi Perkhidmatan Perunding

..... Merujuk kepada perkara di atas bersama-sama ini disertakan sesalinan Surat Pekeliling berkaitan untuk perhatian dan tindakan tuan sewajarnya.

2. Sila pastikan Surat Pekeliling berkenaan dibuat salinan secukupnya untuk diedarkan kepada semua kakitangan di bawah penyeliaan tuan sebagai rujukan.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"CINTAILAH SUNGAI KITA"

Tema Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan 1994

"PELADANG, PENTERNAK DAN NELAYAN SEBAGAI
PENGELUAR DAN PENGGUNA"

Saya yang menurut perintah,

(FADZILAH BT. ABDUL SAMAD)

Bahagian Ukur Bahan,
b.p. Ketua Pengarah,
Jabatan Pengairan dan Saliran,
Malaysia.

s.k. - Ketua Pengarah

IBU PEJABAT JPS MALAYSIA

Surat Pekeliling JPS. UB. 5/94

PERATURAN MENGENAI PERJANJIAN DAN BAYARAN BAGI PERKHIDMATAN PERUNDING

1.0 TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memperkemaskan prosedur dan menyeragamkan format bagi Perjanjian dan bayaran perkhidmatan perunding.

2.0 LATARBELAKANG

- 2.1 Adalah diperhatikan buat masa ini tiada keseragaman dalam penyediaan dokumen perjanjian dan perakuan bayaran perunding dimana terdapat berbagai cara digunakan oleh setiap pejabat yang menyediakannya. Ini adalah kerana tiada format seragam yang boleh dijadikan panduan.
- 2.2 Ketidakteraturan dalam penyediaan dokumen perjanjian dan perakuan bayaran perunding ini mengakibatkan Bahagian Ukur Bahan terpaksa menanggung beban kerja yang berat dan meluangkan banyak masa untuk meneliti dan menyemak dokumen-dokumen tersebut serta memastikan semua dokumen dan surat-surat berkaitan ada disertakan. Masalah ini sering mengakibatkan kelewatan dalam menandatangani Perjanjian dan meluluskan perakuan bayaran.
- 2.3 Oleh itu, untuk memastikan semua urusan penyediaan dokumen perjanjian dan perakuan bayaran berjalan dengan lancar, teratur dan berkesan, adalah wajar peraturan ini diseragamkan mengikut garis panduan yang disertakan.

3.0 CARA PERLAKSANAAN.

3.1 Dokumen Perjanjian

- 3.1.1 Format muka kulit bagi dokumen perjanjian dan perjanjian tambahan perlu diseragamkan bagi semua perjanjian perunding dengan Jabatan/Kerajaan Malaysia mengikut contoh seperti di Lampiran A1 dan A2.
- 3.1.2 Pengemukaan dokumen perjanjian atau perjanjian tambahan hendaklah dinyatakan sebagai 'DRAF', 'ASAL' atau 'SALINAN'.
- 3.1.3 Pemberian nombor bagi perjanjian perunding hendaklah dikategorikan mengikut pembiayaan samaada :
 - i) Kerajaan Persekutuan yang diuruskan oleh Ibu Pejabat (Lampiran B1).
 - ii) Kerajaan Negeri yang diuruskan oleh JPS Negeri (Lampiran B2).
- 3.1.4 **Kandungan dan Penyusunan Dokumen Perjanjian**
 - 3.1.4.1 **Berdasarkan 'Scale of Fees'**
 - a) Memorandum of Agreement.
 - b) Borang Perjanjian Piawai bagi BEM/JKR (Revised 1/83). [Pastikan 'Scale of Fees' bagi Kelas Kerja dan lain-lain perkara yang tidak berkenaan dibatalkan].

- c) Lampiran-lampiran seperti berikut :-
- i) Schedule A : Relevant Correspondence
(`Letter of Appointment' dan surat kelulusan Kementerian Kewangan)
 - ii) Schedule B : Terms of Reference
 - iii) Schedule C-1 : Organisation Chart
 - iv) Schedule C-2 : Project Implementation Schedule
 - v) Schedule D : Summary of Fees and Expenses
 - vi) Schedule D-1 : Summary of Consultancy Fees
 - vii) Schedule D-2 : Estimated Reimbursable Expenses
 - viii) Schedule E : Schedule of Payment (Reimbursables)

3.1.4.2 **Berdasarkan `Man-months'**

- a) Memorandum of Agreement.
- b) Borang Perjanjian Piawai bagi `Man-months' (Revised 1/83).
- c) Lampiran-lampiran seperti berikut :-
 - i) Schedule A : Relevant Correspondence
(`Letter of Appointment' dan surat kelulusan Kementerian Kewangan)
 - ii) Schedule B : Terms of Reference
 - iii) Schedule C-1 : Organisation Chart
 - iv) Schedule C-2 : Project Implementation Schedule
 - v) Schedule C-3 : Staff Time Input
 - vi) Schedule D : Summary of Fees and Expenses

- vii) Schedule D-1 : Staff Cost
- viii) Schedule D-2 : Estimated Reimbursable Expenses
- ix) Schedule E : Schedule of Payment

3.2 **Perjanjian Tambahan**

Perkara-perkara berikut hendaklah dipastikan semasa menyediakan sesuatu perjanjian tambahan :-

- 3.2.1 Berikan nombor perjanjian tambahan sebagai 'Addendum No. ____ (1,2,3 dst)
- 3.2.2 Tajuk kerja hendaklah sama dengan 'Principal Agreement'.
- 3.2.3 Nombor perjanjian asal mestilah tertera di muka kulit perjanjian (Principal Agreement No : JPS (PP))
- 3.2.4 Tarikh 'Date of Commencement' hendaklah diisi.
- 3.2.5 Jumlah siling dan pecahan kos adalah seperti yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan dan hendaklah dijadikan sebagai sebahagian daripada kandungan perjanjian.

3.3 **Bayaran**

- 3.3.1 Perakuan Bayaran Perkhidmatan Perunding hendaklah mengikut 'format standard' [Borang J.P.S.(P.P)] seperti di Lampiran C dan disokong oleh 'Ringkasan Pembayaran Perunding' seperti format di Lampiran D.
- 3.3.2 Penilaian bagi bayaran perunding hendaklah mengikut 'Mode of Payment' dalam perjanjian perunding dan mengambilkira perkara-perkara berikut :-

3.3.2.1 **Bayaran berdasarkan 'Scale of Fees'.**

- a) **Yuran Perkhidmatan Professional**
 - i) Bayaran yuran perkhidmatan Professional adalah mengikut Kelas Kerja dan 'Stages of Payment' samaada berdasarkan Alternatif 1, 2 atau 3 (yangmana berkenaan dan wajar)

- ii) Bayaran cukai perkhidmatan sebanyak 5% hendaklah dikenakan ke atas jumlah yuran perunding.

b) **Imbuhanbalik.**

Imbuhanbalik hendaklah disemak secara terperinci dan pastikan :-

- i) Semua tuntutan disokong oleh bil, invois dan resit atau berdasarkan 'Lump Sum' yang diluluskan.
- ii) Semua tuntutan perjalanan dan elaun-elaun yang berkaitan adalah selaras dengan Arahan Perbendaharaan atau kadar yang diluluskan.
- iii) Jumlah tiap-tiap 'item' tidak melebihi had sebagaimana tertera dalam jadual anggaran imbuhanbalik mengikut 'item' berkenaan.

3.3.2.2 **Bayaran berdasarkan 'Man-months' (mengikut Schedule E)**

a) **Yuran Perkhidmatan**

- i) Input bulan-manusia bagi setiap individu hendaklah tidak melebihi daripada bulan-manusia yang diluluskan bagi individu berkenaan.
- ii) Pastikan 'Charge Rate' yang digunakan adalah seperti yang diluluskan.
- iii) Pastikan perunding mendapatkan kebenaran secara bertulis sebelum menggunakan 'input' bulan-manusia 'provisional' (jika ada).
- iv) Sekiranya terdapat perubahan/pertukaran individu, tambahan atau kurangan bulan-manusia dan perubahan 'Charge Rate' (kenaikan gaji tahunan),kelulusan secara bertulis hendaklah diperolehi dari Kementerian Kewangan.

- v) Bayaran perunding hanya boleh dibuat selepas perkhidmatan dilaksanakan dalam bulan berkenaan dan tidak boleh dibuat terdahulu mengikut `Schedule E'.
- vi) Tambahan 5% cukai perkhidmatan perlu diambilkira daripada jumlah Yuran Professional, sub-Professional dan Perkeranian (sila rujuk Buku Panduan Kastam Bil: 2-S(1) : Prosedur Cukai Perkhidmatan)

b) **Imbuhanbalik**

Seperti dalam 3.3.2.1 (b) di atas.

3.3.3 Sekiranya tuntutan bagi bayaran yang dijelaskan dalam para 3.3.2.1 dan 3.3.2.2 di atas melebihi jumlah yang diluluskan disebabkan tambahan bulan-manusia, tambahan masa dan sebagainya, kelulusan secara bertulis dari Kementerian Kewangan hendaklah diperolehi sebelum mana-mana bayaran melebihi had asal yang diluluskan dalam perjanjian dapat dibuat.

3.3.4 **Cukai Pegangan**

Bagi bayaran di para 3.3.2.1 dan 3.3.2.2 di atas, 15% cukai pegangan hendaklah dikenakan kepada perunding asing yang bukan bermastautin di bawah Seksyen 109B(1)(b), selaras dengan Pekeliling JHDN.01/35/(S)/ 42/51/222-1/Klt.3 bertarikh 28 April 1988 dan Income Tax Act 1967 [Act 53] Revised 24th October 1986 (jumlah % adalah tertakluk samaada Kerajaan Malaysia mempunyai perjanjian berkaitan cukai dengan negara asal perunding, contoh : `Double Taxation Agreement between Malaysia and United Kingdom, Article XIA P.U. (A) 377).

4.0 **PENGUATKUASAAN**

- 4.1 Surat Pekeliling ini berkuatkuasa dengan serta merta bagi semua bayaran yang belum dikemukakan ke Bahagian Ukur Bahan.
- 4.2 Dengan adanya peraturan-peraturan ini, hanya Perakuan Bayaran Perunding yang **pertama** dan **terakhir** sahaja perlu dihantar kepada Bahagian Ukur Bahan untuk semakan. Semua bayaran perunding yang kedua dan seterusnya tidak perlu lagi dikemukakan kepada Bahagian Ukur Bahan. Walaubagaimanapun, Pengarah Bahagian/Negeri/ Jurutera Projek berkenaan hendaklah bertanggungjawab untuk memastikan bayaran dibuat mengikut peraturan dan prosedur yang ditetapkan.

- 4.3 Bahagian Ukur Bahan masih dipertanggungjawabkan untuk menyemak semua Dokumen Perjanjian dan Perjanjian Tambahan.
- 4.4 Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan, sila hubungi Bahagian Ukur Bahan, Ibu Pejabat JPS untuk penjelasan lanjut.

Sekian.

(TAN SRI DATO' IR. HJ. SHAHRIZAILA BIN ABDULLAH)
Ketua Pengarah,
Jabatan Pengairan dan Saliran,
Malaysia.

Disember 1994

s.k. Akauntan Kanan Perbendaharaan,
Kementerian Pertanian,
Malaysia.

Bil. Fail: () dlm. PPS. 10/4/2 BUB Jld. 2

MEMORANDUM OF AGREEMENT

BETWEEN

THE GOVERNMENT OF MALAYSIA

AND

(NAMA SYARIKAT PERUNDING)

FOR

(TAJUK KERJA)

Agreement No. : (Penonboran Kerajaan Persekutuan/Negeri)

ADDENDUM NO. ____

TO THE AGREEMENT

BETWEEN

THE GOVERNMENT OF MALAYSIA

AND

(NAMA SYARIKAT PERUNDING)

FOR

(TAJUK KERJA MENGIKUT PERJANJIAN ASAL)

PRINCIPAL AGREEMENT No. : (Nombor Perjanjian Asal)

PEMBERIAN NOMBOR PERJANJIAN PERUNDING

KERAJAAN PERSEKUTUAN

Bahagian	Nombor Perjanjian Perunding
1. Saliran	JPS(PP)/S/ X/YY*
2. Pengairan	JPS(PP)/P/ X/YY*
3. Kejuruteraan Sungai	JPS(PP)/SG/ X/YY*
4. Kejuruteraan Pantai	JPS(PP)/PT/ X/YY*
5. Khidmat Pakar	JPS(PP)/KP/ X/YY*
6. Hidrologi	JPS(PP)/H/ X/YY*

CATATAN :

* **X/YY** - Bilangan/Tahun

PEMBERIAN NOMBOR PERJANJIAN PERUNDING

KERAJAAN NEGERI

Negeri	Nombor Perjanjian Perunding
1. Johor	JPS(PP)N/J/ X/YY*
2. Melaka	JPS(PP)N/M/ X/YY*
3. Negeri Sembilan	JPS(PP)N/NS/ X/YY*
4. Selangor	JPS(PP)N/SEL/ X/YY*
5. Perak	JPS(PP)N/PK/ X/YY*
6. Pahang	JPS(PP)N/PHG/ X/YY*
7. Terengganu	JPS(PP)N/TG/ X/YY*
8. Kelantan	JPS(PP)N/KN/ X/YY*
9. Pulau Pinang	JPS(PP)N/PP/ X/YY*
10. Kedah	JPS(PP)N/KD/ X/YY*
11. Perlis	JPS(PP)N/PS/ X/YY*
12. Sabah	JPS(PP)N/SB/ X/YY*
13. Sarawak	JPS(PP)N/SK/ X/YY*

CATATAN :

* **X/YY** - Bilangan/Tahun

Pejabat Jurutera Projek	Nombor Perjanjian Perunding
1. Projek Pemb. Pert. Bersepadu Johor Barat	PPS(PJ)/RJB/ X/YY*
2. Projek Pemb. Pert. Bersepadu Pulau Pinang	PPS(PJ)/BPSP/ X/YY*
3. Projek Pemb. Pert. Bersepadu Kemasin Semerak	PPS(PJ)/KSRDP/ X/YY*
4. Projek Rancangan Pengairan Muda	PPS(PJ)/RPM/ X/YY*
5. Projek Pemb. Pert. Bersepadu Barat Laut Selangor	PPS(PJ)/RBLS/ X/YY*
6. Projek Pemb. Pert. Bersepadu Perlis	PPS(PJ)/Ps.IADP/ X/YY*
7. Projek Pertanian Terengganu Utara (KETARA)	PPS(PJ)/KETARA/ X/YY*
8. Projek Pemb. Pert. Bersepadu Samarahan	PPS(PJ)/SAM/ X/YY*
9. Projek Pemb. Pert. Bersepadu Tumboh Blok	PPS(PJ)/PT/ X/YY*
10. Projek Pemb. Pert. Bersepadu Kalaka Saribas	PPS(PJ)/RKS/ X/YY*

CATATAN :

- # - **Kod Bahagian**

Saliran	-	S
Pengairan	-	P
Kej. Sungai	-	SG
Kej. Pantai	-	PT
Mekanikal	-	MK
Teknikal	-	T
- X/YY** - Bilangan/Tahun
- Bagi projek baru atau projek yang tidak tersenarai di atas, pihak tuan bolehlah hubungi Bahagian Ukur Bahan, Ibu Pejabat untuk menetapkan nama kod projek yang sesuai.

KERAJAAN MALAYSIA
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN

PERAKUAN BAYARAN PERKHIDMATAN PERUNDING NO.:.....

Kepala : Pecahan Kepala : Tarikh:
 Bagi Bulan :
 Tajuk Projek :
 Nama Perunding :
 No. Perjanjian :

		Matawang Tempatan (RM)	Matawang Asing ()
Amaun Siling Mengikut Perjanjian Asal	:	RM	
Amaun Siling Baru Mengikut Perjanjian Tambahan	:	RM	
A. Yuran Perunding			
Jumlah Kumulatif Bayaran Sekarang RM			
<u>Ditambah</u> (Jika Berkenaan)			
i)	RM		
ii)	<u>RM</u>	RM	
<u>Ditolak</u>			
Jumlah Kumulatif Bayaran Terdahulu (seperti di Lampiran)		RM	
Jumlah A		RM	
B Imbuhan Balik			
Jumlah Kumulatif Bayaran Sekarang	RM		
<u>Ditolak</u>			
Jumlah Kumulatif Bayaran Terdahulu (seperti di Lampiran)		RM	
Jumlah B		RM	
Jumlah Patut Dibayar (A+B)		RM *	*
<u>Ditambah</u>			
Cukai Perkhidmatan			
i) 5% dari jumlah A			
ii) 5% dari Jumlah Imbuhanbalik bagi 'Site Supervision'	RM		
<u>Ditolak</u>			
Cukai Pegangan (%x*)		RM	
Jumlah Bayaran Yang Disyorkan :	RM		

Adalah disahkan bahawa Perunding telah menjalankan perkhidmatan dengan teratur dan bayaran adalah diperlukan.

Pegawai Pengesyor

Pegawai Yang Memperakukan

RINGKASAN PEMBAYARAN PERUNDING

Projek :

Nama Perunding :

Nombor Perjanjian :

Bayaran No. :

[illegible]

RINGKASAN PEMBAYARAN PERUNDING

Projek :

Nama Perunding :

Nombor Perjanjian :

Bayaran No. :

[illegible]